



UPM Hasil Kit Kesan Jangkitan Kulit Maut



Prof. Madya Dr. Chong Pei Pei menerangkan fungsi kit pengesanan pantas pada sidang akhbar di Universiti Putra Malaysia (UPM).

SERDANG, 14 September – Sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menghasilkan kit pengesanan pantas jangkitan kulat 'candida' yang boleh membawa maut bagi mengatasi masalah kelewatan ujian mengesan jangkitan kulat pada masa kini.

Kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Chong Pei Pei, 38, daripada Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM telah menghasilkan ujian keputusan pantas dalam tempoh 5 jam berbanding diagnosis kaedah konvensional ujian kimia yang memakan masa 5 hari.

Beliau berkata jangkitan kulat di dalam darah dan organ badan disebabkan sejenis kulat yang dikenali sebagai 'candida' yang boleh menyerang sistem imunisasi manusia yang berada pada tahap rendah.

"Terdapat lapan jenis sampel kulat candida yang menjangkiti manusia dan spesis yang paling kerap dikesan adalah spesis 'albicans'. Kesemua kulat ini mempunyai potensi mengakibatkan maut.

"Individu yang sihat boleh dijangkiti melalui sentuhan kulit manakala individu yang mempunyai sistem imunisasi yang rendah seperti pesakit kanser, pesakit yang menjalani pembedahan organ, bayi pra matang dan warga tua boleh mendapat jangkitan serius di organ dalaman seperti buah pinggang, kaki dan sebagainya, seterusnya menjangkiti sistem pengaliran darah," katanya pada sidang media Produk Penyelidikan UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dengan kerjasama Bahagian Komunikasi Korporat di sini hari ini.

Beliau berkata kulat candida yang berada di sekeliling manusia dan terdapat dalam usus individu tertentu, akan menjangkiti manusia sekiranya sistem imunisasi seseorang itu rendah.

Katanya kit pengesan itu dapat mengurangkan kadar kematian pesakit kerana ubat boleh dikenalpasti dengan tepat pada masa untuk menyembuhkan pesakit.

Dr. Chong yang memulakan projek kajian tersebut pada bulan Januari 2007 berkata kos untuk kit itu sekitar RM 20 tidak termasuk kos hospital.

Produk itu telah dipaten pada tahun 2007 dan memenangi pingat gangsa pada Ekspo Pameran Rekacipta dan Penyelidikan Inovasi UPM 2009.



Kit Pengesanan Pantas Jangkitan Kulit Pembawa Maut.

Berita disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia